

PEMILIHAN KERJAYA SEORANG WANITA MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

Muhamad Parizi Hassan

Akademi Tamadun Islam,
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia
Emel: *farizihassan92@gmail.com*

Siti Suhaila Ihwani

Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Teknologi Malaysia
Emel: *sitihaila@utm.my*

Zaharah Mustaffa

Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Teknologi Malaysia
Emel: *zaharh.kl@utm.my*

Corresponding Author's Email: farizihassan92@gmail.com

Article history:

Received : 15 April 2021

Accepted : 28 May 2021

Published : 31 October 2021

ABSTRAK

Kertas kerja ini membincangkan tentang perubahan sosio ekonomi dunia yang telah membawa banyak perubahan kepada ketamadunan manusia serta memberi impak terhadap fungsi wanita untuk terlibat sama dalam usaha pencarian pendapatan keluarga. Fenomena menunjukkan kaum wanita begitu komited dalam kerjaya sehingga diberi kepercayaan untuk menjawat jawatan dalam pelbagai sektor pekerjaan. Namun disebalik keupayaan wanita ini mulai tercetus isu-isu yang menjadi topik perbincangan apabila majoriti daripada mereka mulai gagal mengimbangi tanggungjawab terhadap keluarga dan kerjaya. Lonjakan kes sosial dan perceraian di Malaysia mulai ada yang berpunca daripada wanita yang bekerjaya sehingga menjadi topik hangat elemen penyumbang kepada keruntuhan institusi kekeluargaan. Kajian literatur mendapati pendekatan Islam khasnya melalui bimbingan wanita yang bekerjaya menurut perspektif Islam dalam mengurus kerjaya dan keluarga masih kurang dibincangkan. Dengan menggunakan kaedah analisis teks berdasarkan literatur kajian lepas serta buku-buku yang berautoriti solusi telah ditemukan dan boleh menjadi langkah proaktif kepada wanita yang bekerjaya untuk menguruskan keluarga dan kerja. Hasil penelitian mendapati tiga bimbingan relevan yang merangkumi bimbingan peringkat sebelum memilih kerjaya, bimbingan

peringkat semasa melaksanakan kerjaya dan bimbingan peringkat menyelesaikan kerja.

Kata kunci: Wanita, Kerjaya, Tanggungjawab, Bimbingan

A WOMAN'S CAREER CHOICE ACCORDING TO ISLAMIC PERSPECTIVE

ABSTRACT

This paper discusses the impact of socio –economic to human civilization as well as the role of women to be equally involved in family income search efforts. Women nowadays are very committed in their careers and they are given the powers to hold positions in various sectors of employment. Despite their proficient abilities, issues have begun to arise when the majority of them began to lose its balance in form of responsibilities towards family and career. The increasing number of social cases and divorce among working Malaysian women also has become a great factor to the instability of family institutions. Based on literature review, it is found that Islamic approach in guiding the working women in managing career and family is less discussed in Islamic perspective. However, through a literature review, a solution has been found that using text analysis methods in authoritative books could be a proactive step in guiding working women to manage family and work. The results of this study shows three relevant guidance which include a pre stage, a pre-post stage and a post stage in choosing career.

Keywords: *Women, Career, Responsibility, Guidance*

PENGENALAN

Evolusi kemodenan dunia telah menyebabkan berlakunya proses urbanisasi serta industrialisasi yang lebih cenderung membentuk manusia ke arah mengejar material untuk mencapai kehidupan yang lebih sempurna (Ab Halim Tamuri et al., 2012). Keadaan ini memberi impak yang cukup besar ke atas peranan dan fungsi wanita yang dilihat lebih berperanan dan tidak terkecuali untuk menceburkan diri dalam bidang kerjaya. Menurut Khadijah dan Rahim (2010) dan Naemah Hamzah (2015), perubahan sosio ekonomi dunia telah mengubah peranan wanita dan telah mendesak wanita untuk bekerja.

LATAR BELAKANG KAJIAN

Penglibatan wanita terhadap bidang kerjaya sehingga kini telah menunjukkan bahawa wanita kini tidak sama dengan wanita melayu tradisional yang lebih cenderung kepada melakukan tugas asas sebagai seorang isteri dan suri rumah

sepenuh masa. Kemodenan dunia telah mengubah aktiviti wanita yang bersifat fundamental kepada bidang profesional yang lebih berdaya saing serta memerlukan komitmen dalam aspek fizikal, mental dan spiritual (Naemah Hamzah, 2015). Namun begitu, kemodenan dunia ini tidak pernah mengubah fungsi dan tanggungjawab wanita Islam dalam melaksanakan tugas-tugas asas sebagai seorang anak kepada orang tua, sebagai seorang isteri kepada suami serta sebagai seorang ibu kepada zuriat-zuriat yang dikurniakan (Fatimah Abdullah, 1985). Situasi ini menggambarkan bahawa wanita yang berkecimpung dalam bidang profesional perlu lebih bijak untuk mengekalkan kedudukan yang baik dalam kerjaya serta cemerlang dalam soal rumah tangga. Kertas kerja ini akan membincangkan konsep wanita yang bekerjaya dan penduan kepada pemilihan kerjaya wanita menurut pandangan Islam.

METODOLOGI KAJIAN

Kertas kerja ini merupakan kertas kerja konsep yang membincangkan tentang kerjaya wanita. Fokus utama kertas kerja ini adalah menghuraikan bagaimana seorang wanita memilih kerjayanya selaras dengan apa yang telah digariskan oleh Syariah Islam. Kajian ini berbentuk kajian kualitatif yang menggunakan kajian kepustakaan sebagai metod pengumpulan data dengan merujuk artikel, jurnal, buku-buku dan bahan ilmiah secara bercetak atau digital yang berkaitan dengan tajuk kajian.

KAJIAN LITERATUR

Konsep Wanita Yang Bekerjaya

Menurut Fatimah Muhammad Ali (1966), perkataan wanita dapat didefinisikan dengan pelbagai pendefinisian namun islam lebih cenderung mendefinisikan wanita dengan pengertian makhluk duniawi yang memiliki roh yang sama dengan kaum lelaki tetapi wujud perbezaan dari sudut fizikalnya. Kamus Dewan (1993), mendefinisikan wanita dari sudut bahasa dengan istilah orang perempuan berlawanan dengan kaum lelaki. Diikuti dengan kamus dewan (2000), penambahan imbuhan “ke..an” menjadi “kewanitaan” mencerminkan perihalan wanita dan sifatnya. Namun begitu, wanita memiliki perbezaan yang jelas dengan lelaki sehingga keduanya tidak dapat disamakan (al-Zin, 1994). Wanita merupakan kaum isteri, ibu atau puteri yang mempunyai sifat lemah lembut atas paras rupa yang cantik (Norehan Ahmad Rahim, 2008; Siti Nur Husna Abd Rahman et al., 2017). Wanita mempunyai ciri khusus yang selalu dikenali dengan sikap lemah lembut, sopan-santun, feminine serta beremosi (Naemah Hamzah et al., 2013). Menurut Musalme Muda, (2011), wanita berpotensi besar dalam menjadi usahawan yang berjaya kerana terdapat langkah proaktif yang telah diambil oleh Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) dalam mempersiapkan bakal usahawan wanita untuk melibatkan diri dalam program pembangunan usahawan KPWKM. Menurut (Siti Hasimah Bakeri 2011; Naemah Hamzah et al., 2013), wanita yang berkerjaya mampu menyeimbangi

komitmen kerjaya dan rumah tangga dengan baik. Berdasarkan kepada kupasan definisi yang telah diberikan, wanita dalam artikel ini terhad kepada wanita yang memiliki asas komitmen serta perlu komited dalam urusan kerjaya.

Kamus Dewan edisi (2000), memberi takrifan 'kerja' sebagai salah satu (usaha, kegiatan dan urusan) yang bertujuan untuk (menghasilkan, menyelesaikan, menyediakan) akan sesuatu perkara. "Kerjaya" pula ditakrifkan sebagai perjalanan atau kemajuan seseorang dalam lapangan kehidupan dan ia boleh ditakrifkan juga sebagai profesion yang dipilih sebagai salah satu usaha untuk mencari nafkah. Berdasarkan kepada kenyataan yang diberikan, dapat disimpulkan bahawa 'kerja' dan 'kerjaya' mempunyai perkaitan yang rapat dari aspek usaha yang dilakukan bertujuan untuk mendapat habuan daripada usaha yang dikerjakan. Walaubagaimanapun, disebalik takrifan tersurat ini masih terdapat takrifan secara tersirat yang mendasari bentuk pemikiran individu muslim dan individu non-muslim (Yusof Ismail, 1991). Menurut Yusof Ismail, (1991), individu non-muslim lebih cenderung mendefinisikan 'kerjaya' dalam bentuk materialistik yang bermatlamat kepada kebendaan dan kesenangan serta boleh dilakukan dengan apa jua cara yang dibenarkan. Ia berbeza dengan pandangan individu Islam yang lebih melihat 'kerjaya' sebagai amanah yang perlu diurus dan ditadbir dengan cemerlang serta menggunakan sumber-sumber yang ada dengan cara yang betul serta menjadi hamba yang patuh dan taat kepada perintah Allah SWT. Ia menunjukkan Islam tidak pernah menghalang hambanya untuk bekerjaya namun kerjaya yang dipilih mestilah menepati syara' serta dibenarkan Islam. Maka kerjaya menurut perspektif Islam mestilah merangkumi ciri-ciri yang berikut,

- (a) Dari sumber yang halal serta berfaedah untuk kegunaan diri sendiri, keluarga, masyarakat dan negara.
- (b) Mestilah dari kerja-kerja yang baik kerana kerjaya adalah salah satu ibadah
- (c) Mampu membentuk masyarakat dan negara ke arah ketamadunan yang lebih maju dan harmoni.
- (d) Mampu mengelakkan kesusahan, kesengsaraan, pergaduhan dan perpecahan

(Kupasan Hadis Riwayat Bukhari dan Muslim)

Merujuk kepada takrifan 'wanita' dan 'kerjaya' dapat disimpulkan bahawa wanita yang bekerjaya sebagai wanita yang berusaha menjalankan tugas-tugas asas kekeluargaan dan tugas-tugas tambahan berdasarkan sektor pekerjaan. Ia merupakan wanita yang mempunyai kesanggupan ke atas dua komitmen tugas yang berlainan objektif. Menurut Rahimah (2003); Siti Nur Husna Abd Rahman et al., (2017), peranan wanita dalam tugas asas kekeluargaan adalah seperti menjaga hak dan keperluan suami, melibatkan diri dalam pengurusan isi rumah serta terlibat secara langsung dalam proses mendidik anak-anak. Namun begitu, peredaran masa dan zaman telah banyak merubah peranan wanita di dalam institusi kekeluargaan sehingga tugas tambahan dalam sektor pekerjaan hampir menjadi tanggungjawab bersama serta sudah menjadi uruf dan adat dalam masyarakat. Hal ini selari dengan kebenaran


fatwa untuk wanita bekerja seperti mana kenyataan Dr. Yusuf al-Qaradhawi dalam bukunya (*Fatawa Mu'asirah* (terj.), 2/202-205) yang menyebut: Walau bagaimanapun kerjaya pertama dan terbesar wanita yang tidak dapat disangkal dan tidak mampu ditandingi oleh mana-mana pesaing adalah mendidik seluruh generasi (Irsyad al-Fatwa, 2019). Kenyataan ini menjelaskan tiada hukum yang boleh mengharamkan sesuatu tanpa ketetapan syarak melainkan pembuktian yang konkrit dan jelas. Dengan asas ini juga wanita dibolehkan untuk bekerja dan pelaksanaannya bergantung kepada desakan hukum sama ada menjadi sunat ataupun wajib.

PERBINCANGAN

Jika diperhatikan pertumbuhan ekonomi dunia semakin pesat membangun yang secara langsung memberi kesan kepada peningkatan kos sara hidup dalam kalangan masyarakat masa kini. Didapati ramai golongan wanita yang mulai melibatkan diri dengan pelbagai sektor pekerjaan khususnya bagi wanita yang telah berkeluarga kerana besar kemungkinan dengan cara bekerja mereka dapat meringankan beban keluarga dalam usaha pencarian pendapatan tambahan demi keselesaan dan kelangsungan hidup (Sharifah Hayaati, 2011; Siti Hasimah Bakeri, 2011). Namun begitu, di sebalik usaha murni ini terdapat cabaran dalam dunia kerjaya sehingga telah menimbulkan pelbagai isu yang pada hakikatnya menyebabkan kegagalan golongan wanita untuk menjalankan tanggungjawab terhadap keluarga. Isu dan pengabaian hak menjadi major dalam kajian lepas seperti wanita yang bekerjaya gagal untuk melaksanakan tanggungjawab dalam kerjaya dan rumah tangga dengan baik ('Adawiyah, 2011; Naemah Hamzah, 2015). Hal ini boleh berlaku dalam dua situasi yang berbeza sama ada pengabaian hak akibat permintaan pekerjaan yang menjejaskan tanggungjawab kepada keluarga atau desakan keluarga yang menjejaskan komitmen kepada kerja (Zulkifli, 2010; Siti Aisyah; Siti Khadijah, 2012; Naemah Hamzah, 2015). Justeru itu, berlaku juga pergaulan bebas di tempat kerja yang menyebabkan berlakunya pelanggaran batas syariat serta telah menyumbang kepada peningkatan kes sosial dan kes perceraian. Menurut data statistik kadar perceraian di Malaysia adalah sangat tinggi dan ia boleh berlaku pada setiap 15 minit pusingan jam (Naemah Hamzah, 2015). Salah satu penyumbang kepada kes perceraian ini adalah pengabaian hak dan tanggungjawab isteri yang sepatutnya memainkan peranan dan komited dalam soal rumahtangga. Data turut menyatakan pengetahuan agama yang lemah oleh wanita yang bekerjaya telah menyebabkan rumahtangga mereka mengalami gangguan pihak yang ketiga, berlakunya kejutan budaya yang secara langsung menyumbang kepada masalah seksual (Siti Zalikha&Zaleha, 2010; Naemah Hamzah, 2015). Menurut Zainab et.al, (2014), elemen-elemen inilah yang menjadi penyebab utama kepada fungsi keluarga semakin lemah bahkan menjadi isu sosial yang sepatutnya diberi perhatian untuk penyelesaian kes wanita yang bekerjaya.

Bimbingan Kepada Wanita Yang Bekerjaya Menurut Perspektif Islam

Permasalahan yang kerap berlaku menunjukkan aspek peranan dan fungsi wanita perlu diberi perhatian bagi mewujudkan keseimbangan di antara tanggungjawab kerjaya dan tanggungjawab rumah tangga. Tujuan artikel ini dihasilkan adalah untuk mengemukakan tiga peringkat yang relevan serta berpotensi untuk dijadikan bimbingan kerjaya selaras dengan tuntutan dan kehendak Islam. Secara umumnya, tiga peringkat ini memberikan gambaran tentang ajaran Islam berkaitan dengan etika dan garis panduan yang perlu dipatuhi oleh wanita yang bekerjaya. Sewajarnya ia menggambarkan Islam begitu prihatin terhadap hak dan kebajikan wanita.



Rajah 1 Peringkat Bimbingan Kerjaya Menurut Perspektif Islam

Peringkat Sebelum Memilih Kerjaya

Menjadi kepentingan bagi wanita yang ingin memulakan kerjayanya untuk mempunyai pengetahuan dan kemahiran asas tentang bidang kerja yang ingin diceburi. Tujuannya supaya dapat memberikan gambaran tugas yang sewajarnya membantu untuk membuat penilaian awal tentang skop kerja yang perlu dilakukan. Menurut Fadilla Che Faizu & Norasmah Othman, (2020), pemilihan kerjaya yang sesuai dengan pengetahuan dan kemahiran yang ada amat penting bagi keserasian seseorang individu dengan bidang kerjaya yang dipilih kerana ia boleh mendatangkan kepuasan dan keseronokan bekerja di samping memberikan jaminan masa hadapan yang baik. Kenyataan ini menggambarkan wanita yang bijak memilih kerjaya berdasarkan pengetahuan dan kemahiran sedia ada akan lebih bersedia mendepani alam kerjaya dan lebih cenderung melakukan keseimbangan di antara kerjaya dan keluarga (Kim Hye Hyoung, 2014). Konflik pengetahuan dan kemahiran diluar bidang boleh menyebabkan wanita yang bekerjaya terpaksa memikul tanggungjawab yang baru serta perlu berhadapan dengan situasi sukar yang mendesak untuk mereka bekerja lebih masa. Lebih-lebih lagi mereka perlu bekerja keras untuk menyesuaikan diri dengan skop kerja baru demi memenuhi kepuasan majikan dan pelanggan. Kegagalan memilih kerjaya dengan baik ia akan mengundang kepada konflik rumah tangga yang semestinya memberi impak kepada kegagalan dalam pengurusan komitmen serta menjadi punca keretakan hubungan kekeluargaan (Md. Razak et al. 2014; Muhammad Khalil, Idaya Husna & Muhammad Shafiq 2015; Sharifah Hayaati Syed Ismail, 2017).

Selain daripada itu, faktor minat, bakat serta kebolehan juga menjadi elemen yang perlu dipertimbangkan di samping disokong dengan elemen upah, persekitaran tempat kerja yang menarik serta kebolehan berkembang pada masa akan datang. Namun perkara yang paling penting adalah sektor kerja mestilah berdasarkan kepada syariat Islam iaitu berdasarkan sumber yang halal serta boleh menjamin keberkatan rezeki (Achmad Kurniawan Pasmadi, 2015). Hal ini penting kerana pencarian rezeki menurut perspektif Islam bukan sahaja menekankan kepada soal hasil yang banyak tetapi mestilah bermula dari punca rezeki yang halal dan dapat mengelak daripada melanggar batas-batas hak seperti mana yang telah ditetapkan oleh Islam. Menurut Evan Hamzah Muchtar (2018), menyatakan wanita atau lelaki yang bekerjaya bukan semata-mata bertujuan mendapat kejayaan di dunia bahkan bertujuan mencari kejayaan di akhirat jua, maka segala urusan pemilihan kerjaya mestilah berlandaskan apa yang dibenarkan dan menjauhi apa yang diharamkan oleh syara'.

Menjadi kemestian untuk wanita tidak memilih sektor kerja yang memberi kesukaran untuk mereka mendirikan solat, melibatkan pemakaian yang tidak mencirikan wanita Islam seperti singkat, ketat dan mendedahkan mana-mana bahagian anggota badan, juga perlu mengelakkan sektor kerja yang melibatkan sentuhan dan pergaulan bebas di antara kaum lelaki dan perempuan yang sewajarnya boleh menyumbang kepada perbuatan maksiat seperti zina. Wanita yang bekerjaya berdasarkan pencarian rezeki yang halal sewajarnya mendapat redha Allah swt serta mendapat kebahagiaan dan kemuliaan di dunia dan di akhirat. Oleh itu, menjadi kepastian bagi wanita yang ingin memulakan kerjaya untuk membuat penilaian tentang aspek-aspek yang telah dikupas kerana penting untuk memilih bidang kerjaya yang baik tanpa mengabaikan tanggungjawab sebagai seorang anak yang solehah kepada kedua orang tua, menjadi isteri yang terbaik kepada seorang suami, melaksanakan tanggungjawab dengan sempurna kepada keluarga serta tidak mengabaikan hak dan tanggungjawab sebagai seorang hamba kepada pencipta.

Peringkat Semasa Melaksanakan Kerja

Terdapat hadis nabi yang menyatakan “semua perbuatan bergantung kepada niat” , dan niat berperanan penting bagi individu untuk mendapat hasil sepertimana yang diniatkan (Rosidi, 2017). Hadis yang dinyatakan ini adalah soheh sama ada dari segi sanad mahupun matannya (Ali, 2019; Alias et al., 2019). Ia sangat berperanan sebagai kebolehpercayaan untuk wanita yang bekerjaya menjadikan hadis ini sebagai indikator memperbetulkan niat di peringkat semasa melaksanakan kerjaya. Hal ini kerana pasakan niat yang ikhlas mampu menjadikan kerjaya sebagai salah satu ibadah di samping mendapat keredhaan Allah swt. Niat yang ikhlas juga akan meningkatkan prestasi kerja di samping dapat mengurangkan unsur negatif yang mungkin berlaku semasa wanita bekerja. Berkata Hassan Al-Banna; "Islam begitu menitikberatkan soal pengubatan jiwa manusia kerana jiwa manusia merupakan sumber sistem, fikiran, konsep dan pembentukan. Maka proses membersihkan jiwa perlu sentiasa dilakukan daripada keburukan hawa nafsu dan

mementingkan diri sendiri. Sewajarnya segala sesuatu yang lahir dari jiwa manusia yang telah istiqamah dan bersih itu akan menghasilkan sesuatu yang baik dan indah".

Wanita islam yang bekerjaya wajib mengaplikasikan etika kerja berdasarkan syariat Islam seperti memiliki niat yang ikhlas dan sikap jujur dalam setiap kerjabuat yang diamanahkan. Perlu ada kepercayaan bahawa kerjaya yang dilaksanakan merupakan amanah yang mesti disempurnakan dengan baik dan sepatutnya dilakukan dengan jujur kerana meyakini bahawa amanah tersebut merupakan kunci untuk mendapat keredhaan Allah swt. Menurut Sharifah Hayaati Syed Ismail (2017), wanita atau lelaki yang berjaya dalam mengurus kerjaya dan keluarga sememangnya memiliki nilai dan menghayati tuntutan beragama. Ia boleh dicapai menerusi intipati yang terkandung dalam Surah al-Ahzab: Ayat 35 yang menerangkan segala persiapan membina kekuatan dalaman diri termasuklah keyakinan, ketenangan dan kesabaran apabila berhadapan dengan cabaran keluarga dan kerjaya.

Ciri- ciri yang dinyatakan adalah seperti melalui kekuatan diri yang terhasil melalui sifat rasa bertanggungjawab untuk menjaga nilai iman, taat, benar, dengan mengingati Allah swt. Kedua, individu yang memiliki daya ketahanan diri hasil daripada penghayatan nilai sabar yang begitu signifikan apabila menghadapi kesulitan dalam keluarga atau masalah dan bebanan kerja. Ketiga, membangunkan sifat empati kepada orang lain iaitu melalui penghayatan dalam amalan Islam yang mahmudah. Nilai ini penting dalam menjadikan seseorang individu itu tidak mementingkan diri sendiri khususnya dalam mengejar kejayaan atau kekayaan yang menyebabkan dia tidak menjalankan tanggungjawab rumahtangganya dengan baik. Keempat, kejayaan mengurus keluarga dan kerjaya melalui keredhaan dan keampunan Allah swt. Kelima, kejayaan mengurus keluarga dan kerjaya terhasil melalui keberkatan Ilahi apabila perintah-Nya dilaksanakan dan tegahan-Nya ditinggalkan.

Peringkat Selepas Menyelesaikan Kerja

Menjadi satu keistimewaan bagi wanita yang bekerjaya untuk mendapat imbuhan hasil daripada penat lelah setelah mereka bekerja. Imbuhan yang diperoleh sewajarnya diurus dan digunakan sebaik mungkin supaya perbelanjaan yang bijak dapat diaplikasikan. Perbelanjaan mestilah mengikut keutamaan berdasarkan komitmen dan tanggungjawab kepada diri, ibu bapa dan menjadi kepastian untuk keluarga. Konsep berbelanja secara berhemah yang menepati ciri Islam perlu dimainkan bagi mengelakkan daripada berlakunya pembaziran yang khususnya boleh mengundang kepada keretakan hubungan kekeluargaan. Antara cara perbelanjaan menurut perspektif Islam adalah dengan berbelanja ke arah yang halal mengikut hierarki keutamaan sepertimana yang telah dijelaskan. Ia menepati ciri dan kehendak islam sebagaimana berfirman Allah swt di dalam surah At-Takasur, ayat 8 yang bermaksud; "Selain daripada itu, sesungguhnya kamu akan ditanya pada hari itu tentang segala nikmat (yang telah kamu menikmatinya)". Kebaikan wanita yang bekerjaya dan berbelanja demi membantu keluarga semestinya mendapat tempat yang baik

dan syurga sepatutnya tempat yang paling layak buatnya. Di samping perlu mengeluarkan zakat bagi berkongsi nikmat rezeki yang diperoleh bersama dengan mereka yang memerlukan. Telah menjadi prinsip Islam untuk mengeluarkan zakat kerana menerusinya rezeki yang diperoleh menjadi bertambah berkat di samping dapat melaksanakan tanggungjawab sosial kepada masyarakat. Penting bagi wanita yang bekerjaya untuk menjauhi sikap boros dan bakhil. Boros bererti membelanjakan apa yang dimilikinya untuk tujuan yang remeh atau melampaui batas kewajaran (Murtadho Ridwan & Irsad Andriyanto, 2019). Manakala bakhil pula terlalu menahan hartanya sehingga tidak menyempurnakan tanggungjawabnya untuk berkongsi pada yang berhak (Nirpa Aprilia, 2019). Sedangkan fungsi utama wanita dibenarkan bekerjaya adalah untuk membantu meringankan beban suami di samping membantu masyarakat. Sewajarnya tindakan ini mampu mengurangkan kesusahan yang dialaminya dan mendapat ganjaran yang besar di sisi Allah swt.

KESIMPULAN

Dalam arus ketamadunan dunia, peranan dan fungsi wanita semakin berkembang seiring dengan permintaan pasaran dunia. Fenomena membuktikan wanita mampu bekerja dengan memiliki kecekapan yang hampir sama dengan kaum lelaki yang mungkin perlu lebih cakna di antara komitmen kerjaya dan keluarga. Kegagalan wanita untuk mengurus kerjaya dan mengendalikan hak serta tanggungjawab berkeluarga sewajarnya memberikan impak yang boleh mencetus konflik sosial dan keretakan rumahtangga. Penting bagi wanita yang ingin bekerjaya untuk mengambil kira elemen tuntutan agama seperti yang telah digariskan serta dibincangkan dan sepatutnya menjadi wadah kepada seluruh wanita yang ingin menceburi bidang kerjaya.

RUJUKAN

- Ab Halim Tamuri, Muhamad Faiz Ismail, & Kamarul Azmi Jasmi. (2012). Komponen asas untuk latihan guru pendidikan Islam. *Global Journal Al-Thaqafah*, 2(2), 53–63.
- ‘Adawiyah Ismail (2011). Pembentukan Keluarga Berkualiti dalam kalangan Wanita Berkerjaya Menurut Islam: Kajian Kes di Putrajaya. Tesis Doktor Falsafah, USM, Pulau Pinang.
- Achmad Kurniawan Pasmadi. (2015). Konsep Rezeki Dalam Al-Quran. *Jurnal Didaktika Islamika*, 6, 132–146.
- Al-Zin, Samih ‘Atif (1994). Al-Tafsir al-Maudu’i li al-Quran al-Karim. Kaheerah: Dar al-Kutub al-Misri.
- Evan Hamzah Muchtar. (2018). Konsep Hukum Bisnis Syariah Dalam Al-Qur’an Surat Al-Baqarah [2] Ayat 168-169 (Kajian Tematis Mencari Rezeki Halal). *Ad Deenar: Jurnal Ekonomi Dan Bisnis Islam*, 2(02), 156.
- Fatimah Abdullah. (1985). Wanita Dan Pekerjaan: Satu Analisis Konflik Peranan. *Akademika No. 27 Julai 1985*, 27.

- Fadilla Che Faizu, & Norasmah Othman. (2020). Tahap Pengetahuan Asas Keusahawanan Terhadap Keinginan Memilih Kerjaya Keusahawanan dalam Kalangan Pelajar Kelas Aliran Agama. *Jurnal Dunia Pendidikan E-ISSN: 2682-826X / Vol. 2, No. 2, 240-254, 2020, 2(2), 240–254.*
- Fatimah Muhammad Ali. 1996. Aduhai wanita Islam, apakah perananmu dalam menempuh cabaran keduniaan. Kuala Lumpur: Era Ilmu Sdn. Bhd.
- Irsyad al-Fatwa, (2019). Hukum Wanita Bekerjaya. Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan Jabatan Perdana Menteri. Retrieved September 13, 2021, from <https://muftiwp.gov.my/artikel/irsyad-fatwa/irsyad-fatwa-umum/3391-irsyad-al-fatwa-siri-ke-304-hukum-wanita-berkerjaya>
- Kamus Dewan, Edisi Baru. (1993). Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kamus Dewan, Edisi Ketiga, (2000). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Murtadho Ridwan, & Irsad Andriyanto. (2019). Sikap Boros: Dari Normatif Teks ke Praktik Keluarga Muslim. *Al-Amwal: Jurnal Ekonomi Dan Perbankan Syari'ah, 11(2), 273–284.*
- Musalme Muda. (2011). Kajian Terhadap Tahap Kesediaan Keusahawanan Di Kalangan Bakal Usahawan Wanita Di Bawah Program Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. *Journal of Chemical Information and Modeling, 53(9), 1689–1699.*
- Md Razak Mat Yusof, Nurhikma Ridzuan, Adli Azidin, Mohd Mas Rizat Haji Abdul Latif & Irzan Ismail. 2014. The impact of work stress towards work life balance in Malaysia. *International Journal of Economics, Commerce and Management 2(11): 4-6.*
- Norehan Ahmad Rahim. 2008. Masalah wanita bekerjaya lambat berkahwin dan penyelesaiannya dari sudut Islam: Kajian kes di Kementerian Pelajaran Malaysia Putrajaya, Disertasi Sarjana Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi.
- Naemah Hamzah. (2015). Aplikasi amalan fiqh sains rumah tangga dan kerjaya dalam kalangan akademis wanita cemerlang. *Tamadun Islam, Univ. Teknol. Malaysia.*
- Naemah Hamzah, Mohd Ismail Mustari, & Bushrah Barison. (2013). Kemahiran Yang diperlukan Bagi Wanita Bekerjaya dan Berumah tangga Masa Kini. *Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia, 1998.*
- Naemah Hamzah, Mohd Ismail Mustari, & Bushrah Barison. (2013b). Keperluan Kemahiran Sains dan Teknologi dalam Pengurusan Rumah Tangga dan Kerjaya Masa Kini. *Eprints.Utm.My, 1998, 152–161.*
- Nirpa Aprilia. (2019). Pengaruh Strategi Information Search terhadap Hasil Belajar Peserta Didik Kelas Xi Pada Mata Pelajaran Akidah Akhlak Di Ma Hasanuddin Teluk Betung Bandar Lampung. In *Fakultas Tarbiyah Dan Keguruan Universitas Islam Negeri Raden Intan Lampung: Vol. 4 (1).*
- Sharifah Hayaati Syed Ismail al-Qudsy (2011). Integriti Menurut Perspektif Islam dan Moden : Asas Sistem Penyampaian dan Perkhidmatan

- Berkualiti. *Jurnal Pengurusan Awam, Jabatan Perkhidmatan Awam*, 8 (1): 1-24.
- Siti Zalikah Md. Nor, dan Zaleha Kamaruddin (2010). *Keluarga Syurga, Wanita dan Undang-undang*. Kuala Lumpur: Blue-T Publication Sdn Bhd
- Sharifah Hayaati Syed Ismail. (2017). Mengurus Antara Keluarga dan Kerjaya Organisasi : Analisis Melalui Pendekatan al-Tadayyun, al-Maqasid dan al-Wasatiyyah. *Akademika* 87(3), *Oktober 2017:195-206*, 87(3), 195–206.
- Siti Hasimah Bakeri. (2011). Cabaran Wanita Bekerjaya Dalam Menguruskan Rumahtangga: Satu Kajian Dalam Kalangan Staf Fakulti Pendidikan UTM. *Universiti Teknologi Malaysia*.
<http://www.mendeley.com/research/geographic-information-system-gis-multicriteria-analysis-sustainable-tourism-planning/>
- Siti Nur Husna Abd Rahman, Mohd Izhar Ariff Mohd Kashim, & Muhammad Adnan Pitchan. (2017). Peranan Wanita Dalam Institusi Kekeluargaan: Perbincangan Dari Perspektif Islam. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 12(1), 1–6.
- Zulkifli Mohamad al-Bakri (2010). *Sistem kekeluargaan dalam Islam*. Selangor: Darul Syakir Enterprise.
- Zainab, W.A. Wan-Ibrahim and H.A.R. Asyraf (2014). Da'wah Applications in Counseling Process. *Middle-East Journal of Scientific Research*, 20 (11): 1449-1452, DOI: 10.5829/idosi.mejsr.2014.20.11.21076.